

Kontrak RM702j rekod terbaik Bina Puri

Syarikat untung bersih RM8.131j bagi tempoh 9 bulan 2010, meningkat 85 peratus

Analisis SAHAM

Oleh Suffian A Bakar
suffian@bharian.com.my

KEJAYAAN memenangi dua kontrak baru projek Lanjutan Transit Aliran Ringan (LRT) laluan Ampang bernilai RM702.3 juta November tahun lalu membuktikan rekod pencapaian baik Bina Puri Holdings Bhd dalam menawarkan kerja pembinaan berkualiti dan mengikut jadual.

Kedua-dua kontrak itu diperoleh menerusi usaha sama Bina Puri dan Tim Sekata daripada Syarikat Prasarana Negara Bhd. Bina Puri menguasai 70 peratus kepentingan dalam usaha sama itu.

Usaha Sama Bina Puri-Tim Sekata sebelum ini dilantik kontraktor utama pelaksanaan laluan tambahan AMPANG LRT sepanjang 17.7 kilometer dari Sri Petaling ke Putra Heights membabitkan 13 stesen baru bernilai RM634.64 juta, selain dilantik kontraktor kecil bagi kerja pemasangan dan menyediakan galang kotak segmen

bernilai RM67.7 juta.

Disember lalu, Bina Puri menerusi anak syarikatnya, Bina Puri (Thailand) Ltd berjaya meraih kontrak bernilai 175 juta baht (RM18.28 juta) daripada Huatten Projects (Thailand) Ltd bagi pelaksanaan satu projek pembinaan di Bangkok, Thailand.

Projek itu akan diusahakan secara kerjasama dengan Dimara (Thailand) Ltd untuk membina sebuah gudang dan kemudahan sokongan di Ladkrabang Industrial Estate membabitkan tempoh masa tujuh bulan.


Sementara itu, di Arab Saudi, satu lagi anak syarikatnya, Bina Puri Saudi Co Ltd turut memperoleh kontrak baru untuk projek saluran paip air hujan daripada Majlis Bandaraya Sempadan Utara (Turaif) bernilai SAR23.99 juta (RM19.91 juta) dan dijangka siap dalam tempoh 540 hari.

Kontrak yang diperoleh itu dijangka menyumbang secara positif kepada prestasi kewangan Bina Puri untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011, 2012 dan 2013.

Bina Puri mencatat untung

INFO

BINA PURI HOLDINGS BHD



bersih terkumpul berjumlah RM8.131 juta untuk tempoh sembilan bulan berakhir 30 September 2010, peningkatan sebanyak 85 peratus berbanding RM4.391 juta yang direkodkan dalam tempoh sama tahun sebelumnya.

Ia diraih daripada pendapatan yang meningkat kepada RM860.899 juta daripada RM529.421 juta.

Pada awal Disember lalu, kumpulan itu menerusi anak syarikatnya, Bina Puri (Thailand) Ltd meraih kontrak bernilai \$175 juta baht (RM18.28 juta) daripada Huatten Projects (Thailand) Ltd bagi melaksanakan satu projek pembinaan di Bangkok, Thailand.

Susulan itu, Bina Puri (Thailand) akan bekerjasama dengan Dimara (Thailand) Ltd untuk membina sebuah gudang dan kemudahan sokongan di Ladkrabang Industrial Estate membabitkan tempoh masa tujuh bulan.

Sementara itu, di Arab Saudi, sebuah lagi anak syarikatnya, Bina Puri Saudi Co Ltd turut memperoleh kontrak baru untuk projek saluran paip air hujan daripada Majlis Bandaraya Sempadan Utara (Turaif) bernilai SAR23.99 juta (RM19.91 juta) dan dijangka siap dalam tempoh 540 hari.

Selain itu, pada September lalu, Bina Puri memperoleh kontrak bernilai hampir RM100 juta bagi projek pembinaan Kompleks Komersial Plaza Merdeka Hotel di Pearl Street, Kuching, Sarawak.

Kontrak yang anak syarikatnya, Bina Puri Construction Sdn Bhd (BPCSB), daripa-

FAKTA

Unjuran pendapatan

Tahun kewangan Dis/RM juta	FY07	FY08	FY09	FY10F	FY11F	FY12F
■ Pendapatan	607.9	676.5	780.1	924.7	1,115.7	1,360.1
■ Untung pracukai	8.5	8.0	11.5	27.9	31.3	49.7
■ Untung bersih	7.0	4.3	6.5	18.2	19.9	33.0
■ EPS (sen)	6.8	4.1	6.2	17.5	19.2	31.8
■ Pertumbuhan EPS (%)	37.1	-39.0	51.1	180.5	9.6	65.8
■ ROE (%)	11.3	6.9	8.7	18.9	18.6	24.8

Sumber: Kenanga Research

FAKTA NOMBOR

RM634.64
juta

Nilai laluan tambahan AMPANG LRT sepanjang 17.7 kilometer

RM67.7
juta

Nilai projek pemasangan dan menyediakan galang kotak segmen

RM18.28
juta

Nilai kontrak bagi pelaksanaan projek pembinaan di Bangkok, Thailand

da Rakyat Elite Sdn Bhd pada 7 September lalu itu dijangka siap dalam tempoh 19 bulan.

Kontrak terbaru itu adalah projek dalam pakej keempat yang membabitkan kerja pembinaan dan menyiapkan cadangan pembangunan bangunan 13 tingkat Kompleks Komersial Plaza Merdeka Hotel.

Plaza Merdeka, apabila siap kelak bakal menjadi ikon pembangunan terbaru di Kuching yang menampilkan sebuah bangunan hotel dan pusat beli-belah termoden di bawah satu bumbung.

Dengan memiliki keseluruhan kontrak semasa bernilai sekitar RM2.7 bilion yang dijangka bertahan untuk tempoh tiga tahun, pemerolehan projek baru itu akan memberikan impak positif kepada pendapatannya untuk masa depan.

Kenanga Research dalam nota penyelidikannya menyemak semula unjuran pendapatan Bina Puri dengan menaikkannya sebanyak lima peratus bagi tahun kewangan 2011 selepas mengambil kira jumlah kontrak yang diperolehnya.

Kenanga Research mengunjurkan pendapatan yang lebih tinggi bakal di raih Bina Puri dalam tahun kewangan 2011 dan 2012, masing-masing kepada RM1.115 bilion dan RM1.36 bilion dengan untung bersih lebih tinggi masing-masing kepada RM19.2 juta dan RM33 juta.

Firma penyelidikan saham itu mengekalkan saranan 'beli' bagi saham syarikat berkenaan.

Ia meletakkan harga sasaran lebih tinggi kepada RM1.92 daripada RM1.79 sebelumnya.

M.S. Garden Hotel Kuantan



PAKEJ SEMINAR AGENSI KERAJAAN

Dari **RM171***
Seorang (Perkongsi 3 Orang/Sebilik)

Harga pakej seminar termasuk penginapan satu malam di bilik Family Deluxe, kemudahan seminar, sarapan pagi, makan tengahari & malam, serta minum pagi, petang & malam.

- Tambahan 10% caj servis & 5% cukai kerajaan.
- Surcaj dikenakan pada waktu kemuncak.

Surau Al-Mu'iz Kini Dibuka (Aras M)

Tempahan / Pertanyaan:
09-511 8888 / 09-517 7899



Lot 5 & 10, Lorong Gambut Off Jalan Besarah 25300 Kuantan, Pahang Darul Makmur
Tel: 609-5118 888 / 609-5177 899 Fax: 609-5177 016
Email: enquiry@msgarden.com.my

www.msgarden.com.my